



Submission date: 04/10/2022    Acceptance date: 11/11/2022    Publication date: 27/11/2022

### MAKLUM BALAS PELAJAR TERHADAP PENGGUNAAN TEKNOLOGI DALAM PEMBELAJARAN BAHASA SEPANYOL

#### *Student Feedbacks on the Use of Technology In Learning Spanish*

<sup>1</sup>Salina Husain\*, <sup>2</sup>Ramiza Darmi, <sup>3</sup>Farhana Muslim Mohd Jalis <sup>4</sup>Mariyati Mohd Nor  
& <sup>5</sup>Radhiah Ismail

<sup>1</sup>Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Jabatan Bahasa Inggeris, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

<sup>3</sup>Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

<sup>4</sup>Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak

<sup>5</sup>Jabatan Bahasa dan Komunikasi, PPAL, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu

\*Corresponding author. E-mail: [linahusain@upm.edu.my](mailto:linahusain@upm.edu.my)

#### ABSTRACT

The current education system has undergone a phase of transformation towards technology-based learning. Many technological approaches are already applied in learning either at school or university level. The use of new media seems to be a trend, as a result of the COVID-19 pandemic that is sweeping the world today. Students have been exposed to online platforms such as Zoom, Webex, YouTube, Instagram, Facebook, Tik Tok and so on to perform assignments. Therefore, this paper will look at students' feedback on the use of technology in basic-level Spanish learning at Universiti Putra Malaysia. A total of 104 students gave feedback related to their satisfaction in learning Spanish through the use of technology such as YouTube. In addition online applications for learning purposes are also introduced such as Wordwall, Duolingo, lingua.com, spanishspanish.com and studyspanish.com. The objective of the study was to identify the technology approach used and analyse students' feedback on learning Spanish based on the assessment of the lessons to be made. In summary based on the findings, most students are very satisfied with the technological approach used by lecturers.

**Keywords:** *Feedback, Technology, Learning, Spanish*

© The Author(s) (2022). Published by Intelligientia Resources. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [intelligientia.resources@gmail.com](mailto:intelligientia.resources@gmail.com).



### ABSTRAK

Sistem pendidikan pada masa sekarang telah melalui satu fasa transformasi ke arah pembelajaran berasaskan teknologi. Banyak pendekatan teknologi sudah diaplikasikan dalam pembelajaran sama ada di peringkat sekolah mahupun universiti. Penggunaan media baharu seakan-akan menjadi satu trend, kesan daripada pandemik COVID-19 yang melanda dunia pada masa sekarang. Pelajar telah didedahkan dengan platform dalam talian seperti Zoom, Webex, YouTube, Instagram, Facebook, Tik Tok dan sebagainya untuk membuat persembahan tugas. Oleh yang demikian, kertas kerja ini akan melihat maklum balas pelajar terhadap penggunaan teknologi dalam pembelajaran bahasa Sepanyol peringkat asas di Universiti Putra Malaysia. Seramai 104 pelajar memberi maklum balas berkaitan dengan kepuasan mereka mempelajari bahasa Sepanyol melalui penggunaan teknologi seperti YouTube. Selain itu aplikasi dalam talian untuk tujuan pembelajaran juga diperkenalkan seperti Wordwall, Duolingo, lingua.com, spanishspanish.com dan studyspanish.com. Objektif kajian adalah bertujuan untuk mengenal pasti pendekatan teknologi digunakan dan menganalisis maklum balas pelajar terhadap pembelajaran bahasa Sepanyol berdasarkan penilaian pengajaran yang perlu dibuat. Secara rumusan berdasarkan hasil dapatan, kebanyakan pelajar sangat berpuas hati dengan pendekatan teknologi yang digunakan oleh pensyarah.

**Kata Kunci:** Maklum balas, Teknologi, Pembelajaran, Bahasa Sepanyol

### Pengenalan

Kesan Pandemik COVID-19 yang melanda dunia baru-baru ini menyaksikan perubahan dalam dunia pendidikan dengan pengenalan kepada penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran seperti Zoom, Google Meet, Webex dan sebagainya. Keadaan ini disebabkan dalam situasi pandemik COVID-19 pergerakan manusia adalah terhad kerana seluruh dunia telah menutup pintu sempadan negara masing-masing bagi mengekang penularan virus yang sangat merbahaya ini. Sebagai gantikan mod pengajaran dan pembelajaran bertukar daripada secara bersemuka kepada dalam talian. Oleh yang demikian fungsi teknologi dirasakan sangat memainkan peranan penting dalam dunia pendidikan. Hal ini menurut pandangan Kern (2006) teknologi berfungsi sebagai perantara antara guru dengan pelajar untuk menyampaikan maklumat. Situasi yang sama dirasai dalam pembelajaran kelas bahasa Sepanyol apabila pensyarah dengan pelajar terpisah jauh dan bertemu di alam maya. Penggunaan video semasa kelas berjalan menjadi penghubung untuk pensyarah berinteraksi dengan pelajar. Untuk menampakkan kelas menjadi menarik dan efektif, pengenalan aplikasi digital lain turut digunakan seperti Facebook, Instagram, YouTube, blog dan lain-lain.

Dengan adanya penggunaan teknologi dalam pembelajaran bahasa, pelajar tidak akan merasa bosan dan tertinggal. Hal ini kerana penggunaan teknologi bukan sahaja dapat memudahkan tugas malah dapat menghidupkan suasana yang menyeronokkan semasa kuliah dijalankan dengan pembentangan tugas dalam bentuk video seperti Powtoon (Noradilah & Lai, 2019). Kepelbagaian media sosial yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat membantu pelajar untuk membuat pencarian dan juga tugas. Peluang untuk berinteraksi



tidak hanya terhad semasa kelas dalam talian melalui aplikasi Zoom, Google Meet, Webex dan sebagainya, tetapi aplikasi WhatsApps dan Telegram turut juga digunakan sebagai medium perantaraan untuk berkomunikasi di antara pensyarah dan pelajar.

Selain itu Facebook juga turut digunakan dalam konteks menyampaikan pengajaran kerana hampir semua pengguna teknologi mempunyai akaun Facebook. Ellison (2008) mengatakan bahawa Facebook merupakan media sosial paling popular dalam kalangan pelajar dan masyarakat. Sebelum aplikasi Twitter dan Instagram pengguna terlebih dahulu diperkenalkan dengan platform facebook. Oleh sebab itu aplikasi facebook dikatakan paling popular ketika itu dan digunakan secara santai sahaja. Namun selepas dunia dilanda pandemik Covid 19, aplikasi *facebook* ini turut digunakan sebagai salah satu alternatif medium menyampaikan maklumat di dalam kelas.

Manakala platform YouTube menjadi saluran yang digemari kerana kepelbagaian maklumat yang dapat diperoleh hanya di hujung jari. Maklumat yang bukan hanya sekadar hiburan menjadikan saluran YouTube ini sebagai satu sumber rujukan. Menurut Tan dan Carol (2013) laman sosial you tube bukan lagi sekadar digunakan untuk video peribadi, komersial dan sebagainya malah digunakan sebagai salah satu medium pengajaran dan pembelajaran. Hal yang sama turut dirasai di dalam kelas bahasa Sepanyol apabila penggunaan YouTube ini menjadi pilihan utama untuk dirujuk kerana pelajar dapat mengaksesnya secara percuma.

### Kajian Literatur

Kesan pandemik COVID-19 menyaksikan betapa ramai pengguna menjadi celik teknologi. Jika dahulu platform media sosial seperti Facebook, Twitter, YouTube, Instagram dan sebagainya hanya digunakan secara santai, kini fungsi media sosial tersebut turut digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Menurut Mohd Norakmar Omar *et. al.* (2021) sudah tiba masanya untuk mengubah paradigma rakyat Malaysia bahawa sistem pendidikan perlu lebih peka dan proaktif ke depan dalam menghadapi proses pendidikan abad ke-21. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memberi panduan dan mengajar kita semua bahawa tiada yang mustahil untuk melaksanakan pembelajaran digital selagi mana warga pendidik berkemampuan dan bergerak seiring dengan perubahan teknologi.

Selain itu bagi Fazillah dan Tengku Nurhudah (2020) penggunaan komputer dan sumber internet membolehkan lebih banyak interaksi antara pelajar dengan guru. Di samping itu, penggunaan teknologi baharu seperti Google Classroom menggalakkan pembelajaran secara sendiri dan melatih pelajar menjadi lebih berdikari sekali gus memantapkan kemahiran yang diperlukan pada masa hadapan. Justeru, dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa penggunaan ICT dapat menyokong untuk membentuk suasana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan memberangsangkan serta dapat membantu juga dalam mereka bentuk tugas bahasa dan aktiviti yang menggalakkan komunikasi yang berkesan dan bermakna.




### Metodologi

Kajian ini menggunakan hasil dapatan melalui soal selidik yang diedarkan kepada para pelajar setelah 14 minggu berada di dalam kelas bahasa Sepanyol tahap asas. Seramai 104 pelajar terlibat yang terdiri daripada pelajar semester 1 sesi 2021/2022, semester 2 2021/2022 dan semester 1 2020/2021. Sebanyak enam soalan diajukan kepada para pelajar berkaitan dengan penyampaian pensyarah di dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Sepanyol bagi memastikan kaedah pengajaran kekal relevan dengan keadaan semasa. Analisis data berpandukan teori oleh Harasim (2012) iaitu Online Collaborative Learning (OCL).

### Perbincangan

Hasil daripada soal selidik yang diperoleh menunjukkan bahawa para pelajar tetap berasa seronok menghadiri kelas biarpun kelas terpaksa dijalankan secara dalam talian. Keadaan ini dapat dilihat berdasarkan hasil maklum balas melalui soal selidik yang diedarkan. Pensyarah menggunakan pelbagai aplikasi dalam talian bertujuan menguji pemahaman pelajar setelah berada di dalam kelas maya secara dua jam setiap minggu selama 14 minggu. Selain aplikasi *zoom*, pensyarah turut menggunakan platform seperti *you tube*, *telegram*, *facebook*, *whatsapp* dan website pengajaran berkaitan dengan bahasa Sepanyol dengan tujuan untuk menyediakan bahan pengajaran kepada pelajar secara pembelajaran sendiri. Pensyarah perlu kreatif dan bijak mempelbagaikan bahan pengajaran agar pelajar tidak ketinggalan mengikuti kuliah. Bagi pelajar yang menghadapi kekangan talian internet untuk menghadiri kelas dalam talian *zoom*, pensyarah menyediakan pilihan alternatif lain iaitu rakaman yang di muat turun dari *zoom* kepada *google classroom*. Rajah 1 berikut menunjukkan pembelajaran dalam talian menggunakan platform *zoom*, manakala Rajah 2 pula adalah rakaman yang dimuat turun di dalam platform *google classroom*. Dengan cara ini pelajar tidak lagi merasa terhalang untuk mengikuti pembelajaran secara dalam talian kerana rakaman yang disediakan boleh diulang berulang kali mengikut masa lapang pelajar.

Rajah 1: Contoh Kelas *Zoom* dalam Talian





Rajah 2: Senarai Rakaman Video Kelas di dalam *Google Classroom*

|                                                                                   |                   |               |                                                                                     |
|-----------------------------------------------------------------------------------|-------------------|---------------|-------------------------------------------------------------------------------------|
|  | Recording Week 10 | Posted May 30 |  |
|  | Recording Week 9  | Posted May 30 |                                                                                     |
|  | Recording Week 7  | Posted May 30 |                                                                                     |
|  | Recording Week 6  | Posted May 30 |                                                                                     |
|  | Recording Week 5  | Posted May 30 |                                                                                     |
|  | Recording Week 4  | Posted Apr 15 |                                                                                     |

Pensyarah turut menggunakan aplikasi *Whatsapp* sebagai medium penyampaian kerana platform ini lebih mesra kepada pelajar disebabkan tidak menggunakan talian internet yang laju. Tidak seperti aplikasi *zoom*, pelajar yang mempunyai capaian talian internet lemah tidak dapat menyertai kelas dalam talian. Tetapi bagi aplikasi *whatsapp* pelajar boleh melihat mesej yang ditaip dan boleh merujuk berulang kali. Begitu juga dengan *voice note* yang digunakan oleh pensyarah dapat memberi kefahaman yang lebih jelas. Di sini kita dapat melihat dengan adanya kecanggihan teknologi pelajar tidak akan ketinggalan untuk mengikuti pembelajaran.



Rajah 3: Contoh Penggunaan *WhatApps*



### Hasil Dapatan

Merujuk kepada dapatan soal selidik yang diberikan, kebanyakan pelajar sangat berpuas hati dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dipraktikkan di dalam kelas bahasa Sepanyol. Soal selidik yang digunakan menggunakan pelabelan seperti berikut:

Jadual 1: Dapatan Soal Selidik

| Bil. | Soal Selidik                                                                       | 1 | 2 | 3 | 4  | 5  | Total |
|------|------------------------------------------------------------------------------------|---|---|---|----|----|-------|
| 1    | Pensyarah mengaitkan kandungan pelajaran dengan perkembangan semasa.               | 0 | 0 | 2 | 16 | 86 | 104   |
| 2    | Pensyarah menggunakan pelbagai pendekatan pembelajaran dalam pengajaran.           | 0 | 0 | 3 | 8  | 93 | 104   |
| 3    | Pensyarah menggunakan alat bantuan mengajar yang sesuai dalam pengajaran.          | 0 | 0 | 2 | 12 | 90 | 104   |
| 4    | Pensyarah menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai untuk pengajaran dalam talian. | 0 | 0 | 2 | 14 | 88 | 104   |
| 5    | Pensyarah menggunakan penaksiran yang sesuai untuk pengajaran dalam talian.        | 0 | 0 | 1 | 15 | 88 | 104   |
| 6    | Pensyarah sentiasa bersedia untuk membantu pelajar.                                | 0 | 0 | 2 | 10 | 92 | 104   |

Nombor 1 untuk sangat tidak bersetuju

Nombor 2 untuk tidak bersetuju

Nombor 3 untuk tidak pasti

Nombor 4 untuk bersetuju

Nombor 5 untuk sangat bersetuju

Merujuk kepada soalan pertama berkaitan dengan pensyarah yang cakna dengan situasi semasa seramai 86 pelajar sangat bersetuju, 16 setuju dan 2 sahaja yang tidak pasti. Jelas bahawa 98% pelajar sangat berpuas hati bahawa kandungan pelajaran mereka adalah seiring dengan perkembangan semasa. Manakala soalan kedua berkisar tentang pendekatan yang bersesuaian digunakan oleh pensyarah, dengan seramai 93 sangat bersetuju bahawa pensyarah telah mempelbagaikan kaedah penyampaian, 8 bersetuju dan 3 tidak pasti. Jika dicampur jumlah sangat bersetuju dan setuju, peratusan adalah sebanyak 97%. Peratusan yang tinggi ini menjelaskan bahawa pelajar dapat menerima kaedah pengajaran semasa kelas dalam talian berlangsung. Pensyarah menggunakan platform secara langsung seperti *zoom* atau *webex* kerana pelajar boleh berinteraksi dan melihat wajah pensyarah. Kemudahan kamera dan mikrofon yang terdapat di dalam *zoom* atau *webex* ini memungkinkan hubungan komunikasi dua hala berjalan. Pelajar akan terasa mereka seperti berada di dalam kelas bersemuka kerana dapat berinteraksi dengan pensyarah dan rakan sekelas. Selain itu aplikasi *google classroom* turut digunakan untuk memuat turun rakaman video kelas.



Seramai 90 pelajar sangat bersetuju dan 12 bersetuju bahawa pensyarah telah menggunakan alat bantu mengajar yang sesuai. Hanya 2 pelajar sahaja tidak pasti. Dengan peratusan sebanyak 98% bersetuju dan sangat bersetuju, jelaslah bahawa pelajar sangat berpuas hati dengan segala aplikasi teknologi yang digunakan. Pensyarah turut memperkenalkan beberapa laman web berkaitan dengan bahasa Sepanyol sebagai usaha membantu pelajar untuk memahami segala yang dipelajari. Beberapa laman web seperti *studyspanish.com*, *spanishspanish.com*, *lingua.com* dan sebagainya sangat berguna kepada pelajar bagi mendapatkan nota atau latihan tambahan secara dalam talian. Hal ini dapat membantu pelajar untuk belajar secara sendiri.

Bagi soal selidik berkaitan dengan pensyarah menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai untuk pengajaran dalam talian, 88 sangat bersetuju dan 14 setuju. Baki 2 pelajar lagi adalah tidak pasti. Dengan peratusan 98% bagi kedua-dua item sangat bersetuju dan bersetuju, maka jelas bahawa pelajar berasa gembira dengan kelas mereka. Komunikasi dua hala tetap berjalan sama ada di kelas *zoom* atau melalui pesanan mesej di *whatsapp*. Permainan bahasa dalam talian seperti *wordwall* turut digunakan sebagai cara untuk memberi keseronokan kepada pelajar membuat latihan. Sementara itu, seramai 88 pelajar sangat bersetuju dan 15 bersetuju bahawa pensyarah menggunakan pendekatan yang sesuai untuk membuat penaksiran. Peratusan 99% ini dilihat sebagai satu angka yang tinggi dengan pelajar dapat menerima penggunaan penaksiran dalam talian seperti *quiziz* dan *google form* menggantikan kaedah penaksiran bersemuka secara fizikal di kelas. Baki 1 pelajar yang tidak pasti ini dilihat sebagai tidak menjejaskan dapatan data tentang kepuasan pelajar belajar secara dalam talian.

Akhir sekali bagi soalan terakhir 92 memilih sangat bersetuju, 10 setuju dan 2 kurang pasti bagi soalan tentang pensyarah sentiasa bersedia untuk membantu pelajar. 98% berpuas hati bahawa pensyarah sentiasa mengambil berat dan cakna dengan masalah pelajar walaupun komunikasi hanya berlaku di dalam talian. Kecanggihan teknologi pada masa sekarang memungkinkan hubungan jauh terasa dekat meskipun komunikasi hanyalah melalui lensa kamera dan mikrofon.

Secara rumusan dapat dijelaskan bahawa perhubungan baik yang terjalin di antara pensyarah dan pelajar dapat melancarkan perjalanan kelas dalam talian. Hal ini sekali gus dapat memberi keseronokan dan kepuasan kepada pelajar. Dengan adanya teknologi yang serba moden ini, menjadikan pelajar sentiasa berada dalam perasaan gembira. Menurut Harasim (2012), kerjasama yang terjalin ini akan dapat menyelesaikan masalah mengikut persefahaman yang dicapai. Kerana pengajaran dan pembelajaran dalam talian ini mempunyai cabaran yang tersendiri seperti capaian talian internet yang lemah, bekalan elektrik yang terputus disebabkan bencana alam dan faktor kesihatan. Semua ini memerlukan kerjasama dan persefahaman di antara pensyarah dan pelajar dengan bantuan teknologi. Dengan menggunakan kemudahan yang ada, tidak menjadi sebarang masalah untuk guru mewujudkan persekitaran pembelajaran melalui pendekatan atas talian. Ini menunjukkan bahawa pembelajaran digital merupakan kaedah pedagogi yang paling sesuai ketika seluruh negara dilanda wabak COVID-19 (Mulenga & Marban, 2020).



### Kesimpulan

Hasil daripada perbincangan yang dibuat jelas bahawa kepentingan teknologi pada masa sekarang sangat memainkan peranan penting. Penggunaan teknologi dalam konteks pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan mutu pendidikan kerana menjadi pemudah cara dalam situasi pembelajaran dalam talian. Disebabkan itu wujud kepelbagaian aplikasi yang terkini menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih interaktif dan menarik. Dengan adanya teknologi yang serba moden ini, tugas pelajar menjadi mudah kerana mereka dapat membuat pencarian dengan hanya diujung jari sahaja.

### Rujukan

- Achmad, S. (2017). Developing writing skill of language students by applying innovative teaching strategy model based on social and local wisdom contexts. *Journal of arts and humanities*, 6(12), 01-06.
- Ahmadi, D., & Reza, M. (2018). The use of technology in English language learning: A literature review. *International Journal of Research in English Education*, 3(2), 115-125.
- Boyd, D. M., & Ellison, N. B. (2007). Social network sites: Definition, history, and scholarship. *Journal of computer-mediated Communication*, 13(1), 210-230.
- Chat, L. A., Luan, N. L., & Eng, N. H. (2017). Investigating the usage of vocabulary learning strategies among high and low proficiency Malay undergraduates. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics (IJMAL)*, 1(1), 86-102.
- Chun, D., Kern, R., & Smith, B. (2016). Technology in language use, language teaching, and language learning. *The Modern Language Journal*, 100(S1), 64-80.
- Harasim, L. (2012). *Learning Theory and Online Technologies*. United Kingdom: Routledge.
- Ismail, F. M., & Khalib, T. N. T. (2020). The Use of ICT in the Learning of Oral Interaction [Penggunaan ICT dalam pembelajaran interaksi lisan]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 137-149.
- Kern, R. (2006). Perspectives on technology in learning and teaching languages. *Tesol Quarterly*, 40(1), 183-210.
- Mega Wulandari & Truly Amendo Pasaribu (2020). *Technology for English Language Learning*. Yogyakarta: Sanata Dharma University Press.
- Mohd Norakmar Omar, Siti Noor Ismail & Mohan Rathakrishnan (2021). Penggunaan Teknologi Mudah Alih Bagi Menjana Pembelajaran Digital Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *International Journal of Education, Islamic Studies and Social Sciences Research (IJEISR)*. 6(1), 71-85.
- Mulenga, E. M., & Marban, J. M. (2020). Is COVID-19 the Gateway for Digital Learning in Mathematics Education? *Contemporary Educational Technology*, 12(2), 1-11.
- Noradilah Aziz, and Lai, Wei Sieng (2019). Impak pendidikan berasaskan teknologi terhadap peningkatan prestasi pelajar di UKM. *Jurnal Personalita Pelajar*, 22(1), 69-75.
- Shadiev, Rustam, and Mengke Yang. 2020. Review of Studies on Technology-Enhanced Language Learning and Teaching. *Sustainability*, 12(2), 524.



# Law, Policy, and Social Science

مجلة القانون والسياسة والعلوم الاجتماعية

E-ISSN: 2948-3964, Vol. 1, No. 2, 2022, pp. 17-25

Tan Choon Keong & Carol Binti Abu (2013). *Pengaplikasian Video Youtube : Bahan Bantu Mengajar (Bbm) Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sains Sosial*. Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi 2013 (UMS, 29 – 30 Ogos 2013)

*\*Disclaimer: Facts and opinions in all articles published on LPS Journal are solely the personal statements of respective authors. Authors are responsible for all contents in their article(s) including accuracy of the facts, statements, citing resources, and so on. LPS Journal disclaims any liability of violations of other parties' rights, or any damage incurred as a consequence to use or apply any of the contents of this journal.*